

Headline	Dua kilang diarah bayar RM6j		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	24
ArticleSize	412 cm <sup>2</sup>	Journalist	Mahaizura Abd
PR Value	RM 48,504		



# Dua kilang diarah bayar RM6j

■ **TNB buktikan JCY  
HDD Technology usik  
pepasangan meter elektrik**

---

**Mahaizura Abd Malik**  
[mahaizura@hmetro.com.my](mailto:mahaizura@hmetro.com.my)

---

## Kuala Lumpur

**M**ahkamah Tinggi Pulau Pinang, semalam membenarkan tuntutan Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM6,966,011.10 terhadap JCY HDD Technology Sdn Bhd berikutan pengusikan pepasangan meter elektrik.

Hakim Datuk Abdul Wahab Mohamed membenar-

kan tuntutan TNB selaku plaintif terhadap defendant dengan kos sebanyak RM25,000 dan menolak tuntutan balas defendant.

Tuntutan itu selaras dengan peruntukan Seksyen 38(3) hingga (5) Akta Bekalan Elektrik 1990 bagi pengusikan antara 20 September 2007 hingga 20 November 2009.

Dalam penghakiman itu, TNB berjaya membuktikan berlaku pengusikan pepasangan meter merekodkan bacaan penggunaan elektrik di

Headline	Dua kilang diarah bayar RM6j		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	19 Jul 2018	Readership	338,115
Circulation	112,705	Page No	24
Section	Setempat	Journalist	Mahaizura Abd
ArticleSize	412 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 48,504		



MAHKAMAH Tinggi Pulau Pinang, Kompleks Mahkamah Pulau Pinang, Lebuhraya Light.

kilang defendan yang menghasilkan dan mengedarkan komponen mekanikal pemacu cakera keras.

Tuntutan itu bagi kedua-dua kilang defendan terletak di Plot 553, Lorong Perusahaan 4, Perai dan Plot 55(a), Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Seberang Prai Tengah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Jenis pengusikan yang dikesan ialah litar arus SI dan

S2 bagi ketiga-tiga fasa merah, biru dan kuning yang dipintas menggunakan alat pemintas tembaga.

Selain itu, litar arus SI dan S2 dianggap menggunakan alat dawai pemintas tembaga di mana link Test Terminal Blok meter dipintas pada bahagian SI untuk fasa merah, kuning

dan biru ke bumi.

TNB diwakili peguam Hadi Mukhlis Khairulmaini dari Tetuan Steven Thiru & Sudhar Partnership yang mengemukakan writ saman pada 23 Februari 2011.

**FAKTA**  
**TNB kemuka tujuh saksi manakala defendan seorang saksi**

Defendan pula diwakili peguam Prathib Kumar dari Tetuan Kandiah Partnership.

TNB memanggil tujuh saksi, manakala defendan mengemukakan seorang saksi untuk memberi keterangan sepanjang perbicaraan.

Perbicaraan penuh berlangsung pada 5 Mei, 31 Julai, 6 dan 13 September, 11 Oktober, 15 November, 13 dan 14 Disember 2017 serta 11 Januari dan 27 Februari lalu.